

JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Galeria PjH, Aras 5, Jalan P4W
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

POLITEKNIK
MALAYSIA

Tel : 03-88919000
Faks : 03-88919300
Laman Web : <http://politeknik.gov.my>
Facebook : politeknik.edu

Ruj. kami : KPT.JPP(O).604-1/1/4/1 (6)
Tarikh : 08 Mac 2017

09 MAR 2017

Pejabat Pengarang
Politeknik Sultan Salahuddin
Abdul Aziz Shah

Pengarah,
Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi
(u.p.: KJHEP)

YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

Pertambahan Perenggan Pertama Bagi Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik



Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang telah dipersetujui di dalam mesyuarat KJHEP Bil. 1/2017 pada 2/3/2017 di Amansari Residense Resort, Johor Bahru, bersama ini disertakan definisi yang akan menjadi perenggan pertama **Buku Panduan dan Peraturan Am Pelajar Politeknik** untuk dijadikan sebagai asas kepada tindakan politeknik ke atas pelajar yang tidak melapor diri untuk mengikuti sesi pengajian semasa (MIA) (**Lampiran A**).

3. Sehubungan dengan itu, Buku Panduan Pengambilan & Pengurusan Pelajar Politeknik Edisi 8:2015 akan dikemaskini untuk memastikan tindakan yang diambil adalah selaras. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini pihak tuan boleh menghubungi pegawai kami Puan Rohayu Binti Ses di talian 03-88919255/016 2060608.


4. Kerjasama dan tindakan semua pihak di dalam perkara ini amat diperlukan dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

(Signature)
(AZIZ ZUDDIN BIN OTHMAN)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik,
Kementerian Pendidikan Tinggi.



PENGARAH		
TP(A)	Peg. UESG	Tindakan Segera
TP(SA)	Peg. Perpusatian	Untuk tindakan
KJKA	Peg. UDC	Untuk edaran
KJKE	Peg. CDS	Mekuraman
KJKM	Peg. M&T	Untuk tindakan
KJPG	Peg. JPS	
KJRAM	Peg. JPS	
KJHEP	Peg. JPS	Untuk kadi
KIMSK	Peg. L	Catatan
Peg. Peg.	Peg. Alert	
PET	Peg. Sekan	
PAK	P. Perubatan	
Peg. UPL	Pen. Asrama	
Peg. PPLI	CMFT	

Pn Anja :
6/10/6447
memo circulation
Pn Julia ↓
mst. Jabat
ahadon

Tindakan

Lampiran A

**BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM PELAJAR POLITEKNIK
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI MALAYSIA
PANDUAN DAN PERATURAN AM**

Digunakan dalam buku panduan ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :

- 1. Pelajar**
 - a) Pelajar ialah individu yang mendaftar dengan politeknik untuk mengikuti Program Pengajian yang ditawarkan setelah membayar yuran pengajian dan mendaftar kursus.
- 2. Status Pelajar Politeknik**
 - a) Status pelajar politeknik tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i. Mendaftar sebagai pelajar politeknik untuk mengikuti Program Pengajian yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan,
 - ii. Menjelaskan yuran pengajian tidak lewat dari tarikh yang ditetapkan, dan
 - iii. Mendaftar kursus seperti yang ditetapkan oleh jabatan akademik untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3. Gugur Status Sebagai Pelajar Politeknik**
 - a) Pelajar akan digugurkan status sebagai pelajar politeknik sekiranya gagal mematuhi Perkara 2(a).